

Sukarelawan UMP salur air bersih untuk komuniti Phnom Penh

Phnom Penh, 14 Jan- Program Operasi Khidmat Komuniti Malaysia-Cambodia OPKIM 1 anjuran Perwakilan Kolej Kediaman 3 (PEKA 3) membabitkan seramai lapan orang mahasiswi tahun akhir berjaya membekalkan air bersih di perkampungan Islam di Phnom Penh.

Program mendapat kerjasama Persatuan Graduan Islam Kemboja (CACIG) dengan membina dan mewaqafkan sebuah telaga pam moden yang mula dibina sejak sebulan lalu untuk meringankan beban penduduk kampung memperoleh air bersih untuk kegunaan harian.

Bagi pengarah program OPKIM 1, Nurhafizah Norizam dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP), 24 tahun berkata, banyak pengalaman yang diperolehi sepanjang menabur bakti di sini. Mereka dapat menyaksikan sendiri kepayahan yang dialami penduduk di Phnom Penh yang masih banyak ketiggalan serta memerlukan sumbangan dari pihak luar.



"Program binaan telaga moden waqaf ini juga dilaksanakan atas permintaan penduduk Islam di Kemboja sendiri yang menghadapi kesukaran mendapat bekalan air yang bersih kerana tiada bekalan paip air disediakan di sana terutamanya di kawasan-kawasan kampung," katanya.

Selain itu, sukarelawan turut mengadakan kelas percuma berkaitan pengenalan Bahasa Inggeris kepada anak-anak di Madrasah Al-Falah dalam meningkatkan kemahiran bertutur dalam bahasa ini.



Tambahnya, aktiviti lain yang dijalankan termasuklah menziarahi saudara Islam di Kampung Thua, menziarahi saudara Islam di Kampung Svay Chrom, lawatan tapak telaga di Perkampungan Chhnang dan lawatan akademik di tempat-tempat bersejarah di sekitar Phnom Penh. Sukarelawan turut menyampaikan sumbangan seperti pakaian, tudung, makanan ringan dan alat kelengkapan solat kepada penduduk perkampungan Islam di Kemboja.

Ujar beliau, program ini juga dapat meningkatkan kemahiran insaniah yang tinggi dan secara tidak langsung memupuk sifat peka kepada masalah komuniti bukan sahaja di dalam negara mahupun di luar negara.



Manakala bagi Farah Aqilah Mustafa dari fakulti yang sama berkata, pengenalan ringkas berkaitan buku *Arabic For Beginners* terbitan Penerbit UMP membantu mendalami modul Bahasa Arab mudah dan juga modul Bahasa Inggeris untuk digunakan dalam sesi pembelajaran. Katanya, usaha ini pastinya dapat merealisasikan usaha UMP dalam memasyarakatkan teknologi serta menyumbang bakti dengan memanfaatkan kepada masyarakat luar negara.

Berita dan gambar disediakan oleh Nurhafizah Norizam dan suntingan Bahagian Komunikasi Korporat

Posted By : NOR FADZILLAH BINTI ZULKIPLI Date Posted : 02-02-2017, 16:15:16